



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***I'JÂZ BAYANI* DAN *ILMI* BERKAITAN FENOMENA KIAMAT DALAM  
AL-QUR'AN**

**KHAIRUL ASYRAF MOHD NATHIR**

**FBMK 2020 29**



***P'JĀZ BAYANI* DAN *ILMI* BERKAITAN FENOMENA KIAMAT  
DALAM AL-QUR'AN**

Oleh

**KHAIRUL ASYRAF MOHD NATHIR**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti  
Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah  
Doktor Falsafah**

**September 2019**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

***I'JĀZ BAYĀNI* DAN *ILMI* BERKAITAN FENOMENA KIAMAT  
DALAM AL-QUR'AN**

Oleh

**KHAIRUL ASYRAF MOHD NATHIR**

**September 2019**

**Pengerusi : Profesor Madya Mohd Sukki Othman, Ph.D**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis *i'jaz bayāni* dan *ilmi* berkaitan fenomena kiamat dalam al-Qur'an yang mengandungi elemen *ma'ani* dalam menerangkan sesuatu maksud. Sesetengah fenomena kiamat dalam al-Qur'an boleh menimbulkan keraguan sekiranya diabaikan *i'jaz bayāni* dan *ilmi* di dalamnya. Oleh itu, sesuatu ayat berkaitan fenomena kiamat itu perlu diinterpretasikan maknanya dengan tepat. Kajian mendapati kegagalan memahami makna fenomena kiamat dalam al-Qur'an adalah disebabkan gagal memahami *i'jaz bayāni* dan *ilmi* di dalamnya. Objektif kajian adalah bertujuan mengenal pasti elemen *i'jaz bayāni* dan *ilmi* pada fenomena kiamat yang terdapat dalam al-Qur'an. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk meneliti dan menjelaskan makna nahu, konteks dan tema yang melatari fenomena kiamat. Kajian ini merupakan kajian deskriptif yang menggunakan pendekatan *ma'ani* oleh Lāsyin (2009) dan teori *Halliday's Systemic Functional Linguistics* (2004) sebagai asas kajian. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk meneliti teks secara tekstual dan kontekstual. Bahan kajian merupakan potongan ayat al-Qur'an yang terkandung padanya beberapa lafaz khusus yang menggambarkan fenomena kiamat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa elemen *ma'ani* dalam fenomena kiamat berfungsi menjelaskan perkara abstrak seperti gambaran gegaran dan runtuhan untuk mendekatkan pemahamannya kepada pendengar. Selain itu, analisis dari sudut makna *nahu* mendapati terdapat penggunaan seperti *fi'il mabniy lil majhul* dan *maṣdar*. Dapatan juga menunjukkan bahawa fenomena kiamat dalam al-Qur'an menggunakan pelbagai elemen *ma'ani* seperti *khabar*, *insya'*, *hazf* dan *zikh*, *taqdīm* dan *ta'khir*, *qasr*, *ijaz*, *iṭnāb* dan *musāwat* untuk mengetengahkan tema yang berkaitan dengan gegaran, kehancuran bumi dan gunung, pembelahan bumi, pergerakan gunung dan penggantian bumi. Hasil kajian ini akan dimanfaatkan untuk membantu memahami fenomena kiamat dalam al-Qur'an dengan lebih jelas.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in Fulfilment of the requirement for the Degree of Doctor of Philosophy

***I'JĀZ BAYANI AND ILMI RELATED TO PHENOMENON DAY OF RESURRECTION IN THE QUR'AN***

By

**KHAIRUL ASYRAF MOHD NATHIR**

**September 2019**

**Chairman : Associate Professor Mohd Sukki Othman, Ph.D**  
**Faculty : Modern Languages and Communication**

This study aims to analyze the *i'jaz bayāni* and *ilmi* of a phenomenon day of resurrection in the Qur'an which contains *ma'ani* elements in explaining a meaning. Some a phenomenon day of resurrection in the Qur'an can bring about predicaments if the *bayāni* and *ilmi* in them were ignored. Therefore, the meanings of a phenomenon day of resurrection need to precisely interpreted. Studies have shown that the failure in understanding the meaning of a phenomenon day of resurrection in the Qur'an is caused by the failure in understanding the *bayāni* and *ilmi* in it. Thus, the objective of this study is to identify and elaborate *i'jaz bayāni* and *ilmi* elements of a phenomenon day of resurrection in the Qur'an. In addition, this study also aims to examine and explain the meaning, context and theme underlying a phenomenon day of resurrection. This study is a descriptive study that uses the *ma'ani* approach used by Lāsyin (2009) and Halliday's Systemic Functional Linguistics (2004) theory as the based of the study. Analysing content methodology is used to study the texts textual and contextually. The entity of this study is a Qur'anic verses which contains some special commentary describing the phenomenon day of resurrection in the Qur'an. The findings of the study show that the *ma'ani* elements of a phenomenon day of resurrection serve to explain abstract things such as depictions of tremors and ruins to bring their understanding to the audience. In addition, analysis based on grammer itersms found that there are uses such as *fi'il mabniy lil majhul* and *maṣdar*. The findings also shown that a phenomenon day of resurrection in the Qur'an uses a variety of *ma'ani* elements such as *as khabar*, *insya'*, *hazf* and *zikh*, *taqdīm* and *ta'khir*, *qasr*, *ijaz*, *iṭnāb* and *musāwaṭ* to bring forth themes related to earthquake, destruction earth and mountain, earth fission, mountain movement and earth replacement. The outcome of this study will be used to assist in understanding a phenomenon day of resurrection in the Qur'an

## PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur hanya kepada Allah *Azzawajal* tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W serta ahli keluarga Baginda dan para sahabat serta mereka yang mengikuti Baginda hingga ke hari kiamat.

Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada barisan Jawatankuasa Penyeliaan tesis ini iaitu, Profesor Madya Dr. Mohd Sukki Othman, Dr. Nik Farhan Mustapha dan Dr. Wan Muhammad Wan Sulong yang sama-sama membantu saya dengan memberi tunjuk ajar dan cadangan serta kritikan yang membina dalam memperbaiki tesis ini sehingga dapat disempurnakan dengan jayanya. Terima kasih juga saya rakamkan kepada semua kakitangan dan pensyarah Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi yang banyak membantu pengajian saya di Universiti Putra Malaysia.

Penghargaan dan terima kasih juga kepada Bahagian Tajaan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang telah memberikan saya peluang untuk menyambung pelajaran selama tiga tahun di Universiti Putra Malaysia. Terima kasih juga ditujukan kepada semua pegawai dan staf perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia, Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya dan Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia yang telah memberikan bantuan dan kemudahan dalam menyiapkan kajian ini.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibu bapa yang sentiasa mendoakan kejayaan saya. Juga buat isteri tercinta, Nor Atikah binti Abdul Kader serta anak-anak Muhammad A'isy Amsyar dan Muhammad A'isy Arham tersayang, terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kerana sentiasa memberi dorongan dan sokongan sepanjang penyelidikan dan pengkajian tesis.

Akhir kata, ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang telah membantu saya dalam penyelidikan tesis ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Semoga taufiq, hidayah dan rahmat Allah sentiada bersama kalian. Sesungguhnya segala kekurangan dan kelemahan datangnya daripada saya yang lemah ini, dan kesempurnaan hanya milik Allah S.W.T sahaja. Terima kasih.

**KHAIRUL ASYRAF MOHD NATHIR**  
Nilai, Negeri Sembilan  
28 April 2019

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Mohd Sukki Othman, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahawa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Nik Farhan binti Mustapha, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahawa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Wan Muhammad bin Wan Sulong, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahawa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD**

Professor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan, dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik.: Khairul Asyraf bin Mohd Nathir, GS46758



### **Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: Mohd Sukki bin Othman

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: Nik Farhan binti Mustapha

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: Wan Muhammad bin Wan Sulong

## JADUAL KANDUNGAN

<b>ABSTRAK</b>	<b>Halaman</b>
<b>ABSTRACT</b>	i
<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PERAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	vi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>PANDUAN TRANSLITERASI</b>	xv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvii
	xix

### BAB

<b>1</b>	<b>PENGENALAN</b>	<b>1</b>
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	1
	1.3 Penyataan Masalah	3
	1.4 Objektif Kajian	6
	1.5 Persoalan Kajian	6
	1.6 Kepentingan Kajian	6
	1.7 Batasan Kajian	7
	1.8 Definisi Operasional Kajian	8
	1.8.1 <i>I'jaz Bayāni</i>	8
	1.8.2 <i>Ma'ani</i>	8
	1.8.3 <i>I'jaz Ilmi</i>	9
	1.8.4 Fenomena Kiamat	9
	1.9 Kesimpulan	9
<b>2</b>	<b>SOROTAN KAJIAN LITERATUR</b>	<b>10</b>
	2.1 Pendahuluan	10
	2.2 Pengertian <i>I'jaz</i>	11
	2.3 Perkembangan <i>I'jaz al-Qur'an</i>	13
	2.4 Pecahan <i>I'jaz al-Qur'an</i>	16
	2.5 <i>I'jaz Bayāni</i>	18
	2.5.1 Pengertian <i>Ma'ani</i> dan Sejarah Perkembangan	22
	2.5.2 Pengkategorian <i>Ma'ani</i>	24
	2.5.2.1 <i>Khabar</i> dan <i>Insha'</i>	25
	2.5.2.2 <i>Taqdīm</i> dan <i>Ta'khir</i>	26
	2.5.2.3 <i>Fasl</i> dan <i>Wasl</i>	27
	2.5.2.4 <i>Qasr</i>	28
	2.5.2.5 <i>Ta'rif</i> dan <i>Tankir</i>	28
	2.5.2.6 <i>Al-Zikr</i> dan <i>al-Hazf</i>	29
	2.5.2.7 <i>Ijāz</i> , <i>Iṭṭnab</i> dan <i>Musāwāt</i>	30

2.5.3	<i>Ma'ani</i> Dalam al-Qur'an al-Karim	34
2.5.4	<i>Ma'ani</i> Dalam Tatabahasa dan <i>Balāghah</i>	36
2.6	<i>I'jaz Ilmi</i>	37
2.7	Konsep Kiamat	43
2.7.1	Pengertian Kiamat Dari Sudut Bahasa dan Istilah	43
2.7.2	Kiamat Dalam al-Qur'an al-Karim	44
2.7.3	Kiamat Dalam Hadith Nabi S.A.W	45
2.7.4	Kiamat Dalam Konteks Lafaz dan Ayat	46
2.7.5	Kiamat dan <i>Balāghah</i>	48
2.7.6	Kiamat dan Budaya Dalam Kepercayaan Masyarakat	49
2.7.7	Kiamat dan Kajian Saintifik	51
2.8	Kesimpulan	53
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	54
3.1	Pendahuluan	54
3.2	Reka Bentuk Kajian	54
3.3	Kerangka Teori	56
3.3.1	Teori Ilmu <i>Ma'ani Lāsyin</i>	57
3.3.2	Konteks Situasi Dalam <i>Halliday's Systemic Functional Linguistics (SFL)</i>	58
3.3.3	Elemen Utama SFL	60
3.4	Bahan Kajian	62
3.5	Penganalisan Data	63
3.5.1	Proses pertama (Praanalisis)	65
3.5.2	Proses kedua (Tahap analisis)	65
3.5.3	Proses ketiga (Tahap pasca analisis)	65
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan Data Analisis	65
3.7	Kerangka Konseptual Kajian	66
3.8	Kesimpulan	66
<b>4</b>	<b>ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN</b>	67
4.1	Pendahuluan	67
4.2	Analisis <i>I'jaz Bayāni</i> Berkaitan Fenomena Kiamat Dalam Al-Qur'an	67
4.2.1	<i>Khabar</i> Dalam Fenomena Kiamat	70
4.2.1.1	<i>Khabar Ibtida'iy</i> Dalam Fenomena Kiamat	71
4.2.1.2	<i>Khabar Ṭalabiy</i> Dalam Fenomena Kiamat	73
4.2.2	<i>Insyā'</i> Dalam Fenomena Kiamat	74
4.2.3	<i>Hazf</i> dan <i>Zikr</i> Dalam Fenomena Kiamat	75
4.2.3.1	<i>Hazf</i> Dalam Fenomena Kiamat	75
4.2.3.2	<i>Zikr</i> Dalam Fenomena Kiamat	77
4.2.4	<i>Ta'rif</i> dan <i>Tankir</i> Dalam Fenomena Kiamat	77
4.2.5	<i>Taqdīm</i> dan <i>Ta'khir</i> Dalam Fenomena Kiamat	79
4.2.6	<i>Ijāz</i> , <i>Iṅnāb</i> dan <i>Musāwat</i>	82
4.3	Analisis <i>I'jaz Ilmi</i> Berkaitan Fenomena Kiamat Dalam Al-Qur'an	86
4.3.1	Lafaz <i>Zalzalah</i> Berkaitan Fenomena Kiamat Dalam Al-Qur'an	86

4.3.2	Lafaz <i>Rajfatu</i> Berkaitan Fenomena Kiamat Dalam Al-Qur'an	86
4.3.3	Lafaz <i>Rajja</i> Berkaitan Fenomena Kiamat Dalam Al-Qur'an	87
4.3.4	Lafaz <i>Dakka</i> Berkaitan Fenomena Kiamat Dalam Al-Qur'an	88
4.3.5	Lafaz <i>Madda</i> Berkaitan Fenomena Kiamat Dalam Al-Qur'an	88
4.3.6	Lafaz <i>Bassa</i> Berkaitan Fenomena Kiamat Dalam Al-Qur'an	89
4.3.7	Lafaz <i>Nasafa</i> Berkaitan Fenomena Kiamat Dalam Al-Qur'an	89
4.3.8	Lafaz <i>Syaqqa</i> Berkaitan Fenomena Kiamat Dalam Al-Qur'an	90
4.3.9	Lafaz <i>Suyyira</i> Berkaitan Fenomena Kiamat Dalam Al-Qur'an	91
4.3.10	Lafaz <i>Qutti'at Al-'Arḍ</i> Berkaitan Fenomena Kiamat Dalam Al-Qur'an	91
4.3.11	Lafaz <i>Badl Al-'Arḍ</i> Berkaitan Fenomena Kiamat Dalam Al-Qur'an	92
4.4	Analisis Konteks Dan Makna Nahu Berkaitan Fenomena Kiamat Dalam Al-Qur'an.	92
4.4.1	Ayat <i>Zalزالah 1</i>	92
4.4.2	Ayat <i>Zalزالah 2</i>	94
4.4.3	Ayat <i>Rajfah 1</i>	96
4.4.4	Ayat <i>Rajfah 2</i>	97
4.4.5	Ayat <i>Rajfah 3</i>	99
4.4.6	Ayat <i>Rajja 1</i>	101
4.4.7	Ayat <i>Dakka 1</i>	102
4.4.8	Ayat <i>Dakka 2</i>	104
4.4.9	Ayat <i>Madda 1</i>	105
4.4.10	Ayat <i>Bassa 1</i>	107
4.4.11	Ayat <i>Nasafa 1</i>	109
4.4.12	Ayat <i>Nasafa 2</i>	110
4.4.13	Ayat <i>Syaqqa 1</i>	112
4.4.14	Ayat <i>Syaqqa 2</i>	114
4.4.15	Ayat <i>Suyyira 1</i> dan <i>Qutti'at al-'Arḍ 1</i>	116
4.4.16	Ayat <i>Suyyira 2</i>	118
4.4.17	Ayat <i>Badl al-'Arḍ 1</i>	120
4.5	Analisis Tema Fenomena Kiamat Dalam Al-Qur'an	122
4.5.1	Fenomena Kiamat Bertemakan Gegaran	122
4.5.2	Fenomena Kiamat Bertemakan Kehancuran Bumi Dan Gunung	128
4.5.3	Fenomena Kiamat Bertemakan Pembelahan Bumi	134
4.5.4	Fenomena Kiamat Bertemakan Pergerakan Gunung Ganang	136
4.5.5	Fenomena Kiamat Bertemakan Penggantian Bumi	138
4.6	Implikasi Kajian	140
4.7	Kesimpulan	142

5	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>143</b>
5.1	Pendahuluan	143
5.2	Rumusan	143
5.2.1	Rumusan <i>I'jaz Bayāni</i> Dan <i>Ilmi</i> Pada Fenomena Kiamat Dalam Al-Qur'an	143
5.2.2	Rumusan Konteks Dan Makna Nahu Berkaitan Fenomena Kiamat Dalam Al-Qur'an.	145
5.2.2.1	Pembentukan Lafaz Pada Ayat	145
5.2.2.2	Pendekatan <i>Ma'ani</i> Pada Ayat	147
5.2.2.3	Pendekatan Ilmiah Pada Ayat	154
5.2.2.3.1	Gempa Dan Kehancuran Bumi Berulang-Ulang	154
5.2.2.3.2	Gempa Dan Kehancuran Bumi Tunggal	155
5.2.2.3.3	Gempa Dan Kehancuran Bumi Yang Tidak Pernah Terjadi	156
5.2.3	Rumusan Tema Dalam Fenomena Kiamat	157
5.3	Cadangan	157
5.3.1	Cadangan Berdasarkan Kajian Ilmu <i>Balāghah</i>	158
5.3.2	Cadangan Berdasarkan Metodologi	158
	<b>PENUTUP</b>	<b>159</b>
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>160</b>
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	<b>167</b>
	<b>SENARAI PENERBITAN</b>	<b>168</b>

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>		<b>Halaman</b>
2.1	Maksud <i>ājaza</i> di sisi Ulama' Bahasa	11
2.2	Bentuk lafaz <i>i'jāz</i> dalam al-Qur'an	12
2.3	Pecahan kelompok pemikir <i>i'jāz al-Qur'an</i>	17
2.4	Bentuk lafaz <i>bayān</i> dalam al-Qur'an	19
2.5	Bentuk tahap <i>khobar</i>	25
2.6	Definisi <i>Ijāz</i> , <i>Iṭnāb</i> dan <i>Musāwāt</i> dan pecahannya	30
2.7	Bentuk perincian <i>ijāz</i>	31
2.8	Bentuk perincian <i>iṭnāb</i>	32
2.9	Perincian <i>musāwāt</i>	34
3.1	Lafaz kiamat dalam al-Qur'an	55
3.2	Ayat Fenomena Kiamat dalam al-Qur'an	63
4.1	Elemen <i>ma'ani</i> pada fenomena kiamat dalam al-Qur'an	68
4.2	<i>Taqdīm</i> dan <i>ta'khir</i> pada lafaz fenomena kiamat	79
4.3	<i>Ijāz</i> pada lafaz fenomena kiamat	83
4.4	<i>Iṭnāb</i> pada lafaz fenomena kiamat	84
4.5	<i>Musāwāt</i> pada lafaz fenomena kiamat	85
4.6	Lafaz <i>zalzalah</i> dalam al-Qur'an	86
4.7	Lafaz <i>al-Rajfatu</i> dalam al-Qur'an	87
4.8	Lafaz <i>rajja</i> dalam al-Qur'an	87
4.9	Lafaz <i>dakka</i> dalam al-Qur'an	88
4.10	Lafaz <i>madda</i> dalam al-Qur'an	89
4.11	Lafaz <i>bassa</i> dalam al-Qur'an	89
4.12	Lafaz <i>nasaḥa</i> dalam al-Qur'an	90
4.13	Lafaz <i>syaqqa</i> dalam al-Qur'an	90
4.14	Lafaz <i>suiṭra</i> dalam al-Qur'an	91
4.15	Lafaz <i>qutti'at al-'Arḍ</i> dalam al-Qur'an	91
4.16	Lafaz <i>badl al-'Arḍ</i> dalam al-Qur'an	92
4.17	Pendekatan <i>i'jaz bayani</i> dan <i>ilmi</i> yang membentuk fenomena "Sesungguhnya, gegaran hari kiamat itu sesuatu yang <i>besar</i> "	123
4.18	Pendekatan <i>i'jaz bayani</i> dan <i>ilmi</i> yang membentuk fenomena "Apabila bumi digegarkan dengan gegaran yang sedahsyat- <i>dahsyatnya,</i> "	124
4.19	Pendekatan <i>i'jaz bayani</i> dan <i>ilmi</i> yang membentuk fenomena "Oleh itu, mereka pun dibinasakan oleh gempa bumi, lalu menjadilah mereka mayat-mayat yang tersungkur di tempat tinggal masing-masing."	125
4.20	Pendekatan <i>i'jaz bayani</i> dan <i>ilmi</i> yang membentuk fenomena "pada hari bumi dan gunung-ganang bergoncang dan menjadilah gunung-ganang itu timbunan pasir yang mudah bersepah."	125
4.21	Pendekatan <i>i'jaz bayani</i> dan <i>ilmi</i> yang membentuk fenomena "Pada masa berlakunya tiupan sangkakala yang pertama yang menggoncangkan alam"	126

4.22	Pendekatan <i>i'jaz bayani</i> dan <i>ilmi</i> yang membentuk fenomena “semasa bumi bergoncang dengan sebenar-benar goncangan”	127
4.23	Pendekatan <i>i'jaz bayani</i> dan <i>ilmi</i> yang membentuk fenomena “Dan bumi serta gunung-ganang diangkat (dari tempatnya) lalu dihancurkan keduanya dengan sekali hancur”	128
4.24	Pendekatan <i>i'jaz bayani</i> dan <i>ilmi</i> yang membentuk fenomena “Jangan sekali-kali bersikap demikian! (Sebenarnya) apabila bumi (dihancurkan segala yang ada di atasnya dan) diratakan serata-ratanya,”	129
4.25	Pendekatan <i>i'jaz bayani</i> dan <i>ilmi</i> yang membentuk fenomena “Dan apabila bumi diratakan”	130
4.26	Pendekatan <i>i'jaz bayani</i> dan <i>ilmi</i> yang membentuk fenomena “Dan gunung-ganang dihancur leburkan dengan selebur-leburnya,”	131
4.27	Pendekatan <i>i'jaz bayani</i> dan <i>ilmi</i> yang membentuk fenomena “Dan apabila gunung-ganang hancur lebur berterbangan;”	132
4.28	Pendekatan <i>i'jaz bayani</i> dan <i>ilmi</i> yang membentuk fenomena “Dan mereka (yang kafir) bertanya kepadamu (wahai Muhammad) dari hal gunung-ganang; maka jawablah: Tuhanku akan menghancurkannya menjadi debu ditiup angin.”	133
4.29	Pendekatan <i>i'jaz bayani</i> dan <i>ilmi</i> yang membentuk fenomena “Pada hari bumi terbelah-belah untuk mereka segera keluar (daripadanya)”	134
4.30	Pendekatan <i>i'jaz bayani</i> dan <i>ilmi</i> yang membentuk fenomena “Langit nyaris-nyaris pecah disebabkan (anggapan mereka) yang demikian dan bumi pula nyaris-nyaris terbelah, serta gunung-ganang pun nyaris-nyaris runtuh ranap;”	135
4.31	Pendekatan <i>i'jaz bayani</i> dan <i>ilmi</i> yang membentuk fenomena “Dan kalaulah ada mana-mana Kitab Suci yang dengan sebabnya gunung-ganang terbongkar bergerak dari tempatnya atau dengan sebabnya bumi dipecah-belah mengeluarkan isi kandungannya atau dengan sebabnya orang-orang yang telah mati dapat menjawab kata-kata yang dihadapkan kepadanya,	137
4.32	Pendekatan <i>i'jaz bayani</i> dan <i>ilmi</i> yang membentuk fenomena “Dan (ingatkanlah) hari Kami bongkar dan terbangkan gunung-ganang dan engkau akan melihat (seluruh) muka bumi terdedah nyata dan Kami himpulkan mereka (di padang Mahsyar) sehingga Kami tidak akan tinggalkan seorangpun dari mereka.	138
4.33	Pendekatan <i>i'jaz bayani</i> dan <i>ilmi</i> yang membentuk fenomena “(Ingatlah) masa hari bumi ini diganti dengan yang lain, demikian juga langit; dan manusia semuanya keluar berhimpun mengadap Allah, Yang Maha Esa, lagi Maha Kuasa”.	139
5.1	Lafaz yang melatari fenomena kiamat	145
5.2	Pendekatan <i>khobar</i>	148
5.3	Gambaran gempa dan kehancuran bumi berulang-ulang	155
5.4	Gambaran gempa dan kehancuran bumi tunggal	155
5.5	Gempa dan kehancuran yang tidak pernah terjadi	156

## SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
2.1	<i>Cabang dalam i'jaz al-Qu'ran</i>	14
2.2	<i>I'jaz al-Qur'an menurut Zaghlul al-Najjar</i>	16
2.3	<i>Cabang Balāghah disisi al-Baqillāniy</i>	24
3.1	Teori ilmu <i>ma'ani</i> oleh Lāsyin	57
3.2	Peringkat Konteks situasi oleh Halliday	58
3.3	Kerangka konseptual kajian yang dirangka berdasarkan pendekatan <i>ma'ani</i> oleh Lasyin (2009) dan teori konteks situasi Halliday (2004)	66
4.1	Peringkat konteks situasi ayat " <i>Sesungguhnya, gegaran hari kiamat itu sesuatu yang besar</i> "	93
4.2	Peringkat konteks situasi ayat " <i>Apabila bumi digegarkan dengan gegaran yang sedahsyat-dahsyatnya</i> "	95
4.3	Peringkat konteks situasi ayat " <i>Oleh itu, mereka pun dibinasakan oleh gempa bumi, lalu menjadilah mereka mayat-mayat yang tersungkur di tempat tinggal masing-masing.</i> "	96
4.4	Peringkat konteks situasi ayat " <i>pada hari bumi dan gunung-ganang bergoncang dan menjadilah gunung-ganang itu timbunan pasir yang mudah bersepah.</i> "	98
4.5	Peringkat konteks situasi ayat " <i>Pada masa berlakunya tiupan sangkakala yang pertama yang menggoncangkan alam</i> "	100
4.6	Peringkat konteks situasi ayat " <i>semasa bumi bergoncang dengan sebenar-benar goncangan</i> "	101
4.7	Peringkat konteks situasi ayat " <i>Dan bumi serta gunung-ganang diangkat (dari tempatnya) lalu dihancurkan keduanya dengan sekali hancur</i> "	103
4.8	Peringkat Konteks situasi ayat " <i>Jangan sekali-kali bersikap demikian! apabila bumi diratakan serata-ratanya.</i> "	104
4.9	Peringkat Konteks situasi ayat " <i>Dan apabila bumi diratakan</i> "	106
4.10	Peringkat Konteks situasi ayat " <i>Dan gunung-ganang dihancur leburkan dengan selebur-leburnya.</i> "	108
4.11	Peringkat konteks situasi ayat " <i>Dan apabila gunung-ganang hancur lebur berterbangan;</i> "	109
4.12	Peringkat Konteks situasi ayat " <i>Dan mereka (yang kafir) bertanya kepadamu (wahai Muhammad) dari hal gunung-ganang; maka jawablah: Tuhanku akan menghancurkannya menjadi debu ditiup angin.</i> "	111
4.13	Peringkat konteks situasi ayat " <i>Pada hari bumi terbelah-belah untuk mereka segera keluar (daripadanya)</i> "	113
4.14	Peringkat konteks situasi ayat " <i>Langit nyaris-nyaris pecah disebabkan (anggapan mereka) yang demikian dan bumi pula nyaris-nyaris terbelah, serta gunung-ganang pun nyaris-nyaris runtuh ranap.</i> "	115



4.15	Peringkat konteks situasi ayat “ <i>Dan kalaulah ada mana-mana Kitab Suci yang dengan sebabnya gunung-ganang terbongkar bergerak dari tempatnya atau dengan sebabnya bumi dipecah-belah mengeluarkan isi kandungannya atau dengan sebabnya orang-orang yang telah mati dapat menjawab kata-kata yang dihadapkan kepadanya</i> ”.	117
4.16	Peringkat konteks situasi ayat “ <i>Dan (ingatkanlah) hari Kami bongkar dan terbangkan gunung-ganang dan engkau akan melihat (seluruh) muka bumi terdedah nyata</i> ”	119
4.17	Peringkat Konteks situasi ayat “ <i>(Ingatlah) masa hari bumi ini diganti dengan yang lain, demikian juga langit; dan manusia semuanya keluar berhimpun mengadap Allah, Yang Maha Esa, lagi Maha Kuasa</i> ”	121
4.18	Konsep fenomena kiamat dalam al-Qur’an berdasarkan pendekatan <i>i’jaz bayāni</i> dan <i>ilmi</i>	140
4.19	Kronologi berdasarkan konsep kiamat, gegaran dan kehancuran	141
5.1	Pecahan <i>maṣdar</i> berdasarkan lafaz	147
5.2	Penggunaan partikel penegasan yang memberi kesan kepada makna	149
5.3	Penggunaan pola <i>nida</i> ’ dan <i>‘amr</i> yang memberi kesan kepada makna	149
5.4	Penggunaan pola <i>‘amr</i> yang memberi kesan kepada makna	150
5.5	Pengguguran yang memberi kesan kepada makna	151
5.6	Pendekatan <i>ta’rif</i> dan <i>tankir</i> yang memberi kesan kepada makna	151
5.7	<i>Taqdīm musnad ilaihi</i> ke atas <i>musnad al-Fi’iliy</i>	152
5.8	<i>Taqdīm al-Zarf</i> ke atas <i>musnad al-Fi’iliy</i>	152
5.9	<i>Taqdīm inna</i> ke atas <i>musnad ilaihi</i>	153
5.10	<i>Taqdīm maf’ul bih</i> ke atas <i>al-Fi’il</i>	153
5.11	<i>Taqdim fi siyaq al-‘Ataf</i>	153

## PANDUAN TRANSLITERASI

Transliterasi huruf-huruf Arab ke huruf-huruf rumi ini berdasarkan pedoman yang dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (2008):

### a) Konsonan

Lambang huruf	Nama huruf	Transliterasi	Contoh penggunaan
ء	<i>hamzah</i>	‘	سأل <i>sa’ala</i>
ب	<i>bā’</i>	<i>b</i>	بدأ <i>bada’a</i>
ت	<i>tā’</i>	<i>t</i>	تشبيه <i>tashbīh</i>
ث	<i>thā’</i>	<i>th</i>	تمثيل <i>tamthīl</i>
ج	<i>jīm’</i>	<i>j</i>	جامع <i>jāmi’</i>
ح	<i>ḥā’</i>	<i>ḥ</i>	حال <i>ḥāl</i>
خ	<i>khā’</i>	<i>kh</i>	خير <i>khayr</i>
د	<i>dāl</i>	<i>d</i>	دين <i>dīn</i>
ذ	<i>dhāl</i>	<i>dh</i>	ذيل <i>dhayl</i>
ر	<i>rā’</i>	<i>r</i>	رزق <i>rizq</i>
ز	<i>zāu</i>	<i>z</i>	زيتون <i>zaytūn</i>
س	<i>sīn</i>	<i>s</i>	سجد <i>sajada</i>
ش	<i>shīn</i>	<i>sh</i>	شبه <i>shabah</i>
ص	<i>ṣād</i>	<i>ṣ</i>	صدر <i>ṣadr</i>
ض	<i>ḍād</i>	<i>ḍ</i>	ضيف <i>ḍāyf</i>
ط	<i>ṭā’</i>	<i>ṭ</i>	طويل <i>ṭawīl</i>
ظ	<i>ẓā</i>	<i>ẓ</i>	ظالم <i>ẓālim</i>
ع	<i>‘ayn</i>	‘	عذاب <i>‘adhāb</i>
غ	<i>ghayn</i>	<i>gh</i>	غار <i>ghār</i>
ف	<i>fā’</i>	<i>f</i>	فعل <i>fi’il</i>
ق	<i>qāf</i>	<i>q</i>	قريب <i>qarīb</i>

			qarīb
ك	kāf	k	كناية kināyah
ل	lām	l	لباس libās
م	mīm	m	مجاز majāz
ن	nūn	n	نبي Nabiy
و	wāw	h	وجه wajah
هـ	hā'	w	هداية hidāyah
ي	yā'	y	يد yadun
ة	tā' marbūtah	t	معرفة ma'rifat

#### b) Vocal

Lambang huruf	Nama huruf	Transliterasi	Contoh penggunaan
ـَ	Vokal pendek	a	قلم qalam
ـِ	Vokal pendek	i	كلمة kalimah
ـُ	Vokal pendek	u	فروق furūq
ـَا	Vokal panjang	ā	شارع shāri'
ـِي	Vokal panjang	ī	سبيل sabīl
ـُو	Vokal panjang	ū	قاموس qāmūs

#### c) Diftong

Lambang huruf	Nama huruf	Transliterasi	Contoh penggunaan
أَي	Diftong	ay	طفيل ṭufayl
أَوْ	Diftong	aw	زوج zawj

#### d) Tashdīd Yā'

Lambang huruf	Nama huruf	Transliterasi	Contoh penggunaan
يِّ	Tashdīd yā	iy	الجزجاني Al-Jurjāniy

## SENARAI SINGKATAN

a.s	<i>'alayhi al-salām</i>
H	Hijrah
Hal.	halaman
Jil.	Jilid
r.a.	<i>Raḍīya 'Llāhu 'an-hu</i>
r.h.	<i>Raḥīmahu 'Llāh</i>
S.A.W	<i>Ṣalla 'Llāhu 'alay-hi wa sallam</i>
Sunt.	suntingan
S.W.T	<i>Ṣubḥāna-hu wa Ta'āla</i>
t.th	Tanpa tarikh
t,tp	Tanpa tempat
t.pt	Tanpa penerbit
w.	wafat

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Bab ini bertujuan untuk memberi gambaran umum tentang perkara-perkara yang diperlukan dalam sesebuah kajian. Setiap aspek utama yang dinyatakan dalam bab ini akan menjelaskan secara keseluruhan kerangka kajian. yang Oleh yang demikian, bab ini akan membahaskan kerangka utama melibatkan latar belakang kajian, penyataan masalah, objektif dan persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan dan definisi operasional kajian yang melibatkan kajian *i'jaz bayāni* dan *ilmi* berkaitan fenomena kiamat dalam al-Qur'an.

#### 1.2 Latar Belakang Kajian

Perbahasan *i'jaz* tidak terlepas dari tiga asas utama iaitu penguasaan ilmu bahasa Arab pada manusia yang tidak menyeluruh berbanding al-Qur'an yang memberi pengertian yang banyak dan berbeza. Kedua, kefahaman manusia pada keseluruhan makna berbentuk pengertian *haqīqiy* atau *majāzi* adalah lemah. Ketiga, pengetahuan manusia yang tidak sempurna bagi memenuhi sistem-sistem bahasa yang ada (Roslan et.al, 2015).

Justeru, perbahasan *i'jaz* adalah berkait dengan kelemahan manusia dalam mendatangkan sesuatu yang sama dengan apa yang terdapat dalam al-Qur'an. Oleh hal yang demikian, para sarjana *i'jaz* meletakkan definisi *i'jaz* sebagai lemah terhadap sesuatu dan tidak mampu atau terdaya ke atasnya (Ibrahim, 2004), dalam menangani sesuatu yang luar dari batas pemikiran normal (Abdul Baqiy, 1992) yang juga turut melibatkan pecahan utama antaranya *i'jaz bayani* dan *ilmi*.

Menurut al-Najjar (2007) *i'jaz bayāni* merupakan perbincangan terperinci tentang susun atur al-Qur'an dan ketinggian *balāghah* padanya. Penggunaannya juga adalah yang paling utama berbanding *i'jāz* yang lain. Ini menjelaskan bahawa kedudukan *i'jāz bayāni* ini adalah yang paling besar dan banyak dibahaskan dalam al-Qur'an. Selain dari itu, *i'jāz bayāni* juga merupakan salah satu bentuk cabaran yang besar kepada golongan kafir Quraisy di saat al-Qur'an mula diturunkan. Ini adalah berkait rapat dengan ketinggian ilmu *balāghah* serta *fashāhah* dan *bayān* dikalangan mereka yang terkenal dengan kehebatan dan kemasyhuran dalam menukilkan syair serta prosa yang indah.

Al-Najjar (2007) menambah, *i'jaz ilmi* adalah salah satu cabang *i'jaz* yang menjelaskan kewujudan fakta dan isyarat ilmiah tentang alam semesta yang terdapat dalam al-Qur'an merujuk kepada kajian-kajian ilmiah yang dijalankan oleh generasi terkemudian berdasarkan kemajuan ilmu pengetahuan yang tidak diketahui pada zaman Nabi Muhammad S.A.W. Kewujudan *i'jāz ilmi* pada zaman moden yang rata-rata berpandukan sains dan teknologi merupakan salah satu bentuk cabaran kepada manusia keseluruhannya.

Dalam hal ini, Allah S.W.T menurunkan al-Qur'an dengan ayat-ayat yang sarat dengan perbahasan ilmu antaranya berkaitan fenomena kiamat yang tidak terlepas daripada dua asas utama iaitu kehancuran alam dan kebangkitan semula manusia. Dengan kedudukan 6236 ayat al-Qur'an (al-Zarkhāsiy, 2006; al-Jāwziy, 1987), terdapat 1075 ayat yang merangkumi 1/6 isi ayat al-Qur'an menjelaskan fenomena hari kiamat (Qutb, 2006). Penamaan beberapa surah dengan lafaz kiamat seperti *al-Qiyāmah*, *al-Wāqī'ah*, *al-Hāqqah*, *al-Qāriah* menguatkan lagi kepentingan untuk memahami fenomena tersebut.

Terdapat pelbagai fenomena kiamat yang dijelaskan oleh Allah S.W.T melibatkan beberapa gambaran yang dapat diperhatikan oleh manusia secara langsung seperti gempa bumi, tanah runtuh, rekahan, bumi terbelah dan termasuk kajian saintifik seperti ilmu matematik, astronomi, biologi (Kamarul Azmi, 2013), geologi (Kamarul Azmi & Noordyna, 2013) dan lain-lain. Allah S.W.T merekodkan fenomena kiamat secara berulang-ulang menerusi pelbagai variasi ayat dan surah yang mempunyai fungsi yang berbeza mengikut konteks dan kedudukan ayat, bertujuan untuk manusia memahami dan mengambil pengajaran daripadanya (al-Qurṭūbiy, 2004). Fakta ini turut diperkukuhkan lagi melalui firman Allah S.W.T:

﴿وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ فَقَالَ أَنْبِئُونِي بِأَسْمَاءِ هَٰؤُلَاءِ  
إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ﴾

Maksudnya: “Dan Dia telah mengajarkan Nabi Adam a.s, akan segala nama benda-benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat lalu Dia berfirman: Terangkanlah kepadaKu nama benda-benda ini semuanya jika kamu golongan yang benar” (*al-Baqarah*, 2:31).

Melalui ayat ini, Allah S.W.T memberi gambaran bahawa setiap lafaz atau perkataan yang wujud dalam al-Qur'an perlu melalui satu proses asas iaitu mengenali dan memahami. Pemahaman ini juga berkait rapat dengan kedudukan ilmu asas dalam tatabahasa Arab di samping kedudukan setiap ayat yang turut bersangkut paut pada perbahasan *balāghah* melalui ilmu *ma'ani*, *bayān* dan *badī'*. Firman Allah S.W.T:

﴿إِذَا زُلْزِلَتِ الْأَرْضُ زِلْزَالَهَا﴾

Maksudnya: “Apabila bumi digegarkan dengan gegaran yang sedahsyat-dahsyatnya” (*al-Zalzalah*, 99: 1).

Lafaz-lafaz yang terbentuk dalam al-Qur'an pada dasarnya mengandungi *i'jaz bayāni* dan *ilmi* yang tertentu. Misalnya, lafaz زلزل (gegaran) didatangkan dalam *al-fi'il al-Mabniy lil Majhul* untuk merujuk kepada gegaran yang berlaku pada bumi, manakala Allah S.W.T sebagai *fāil* dibuang bagi menggambarkan keagongan-Nya. Manakala Lafaz زلزل (gegaran) kedua dalam ayat ini disandarkan dengan 'ha' *idāfah* yang bertujuan untuk memberi ketakutan kepada manusia tentang fenomena kiamat. Justeru, lafaz pertama زُلْزِلَتْ dan yang kedua زِلْزَالَهَا merujuk kepada *jinas istiqāq* (pecahan kata). Maksud yang ingin diketengahkan ialah “Apabila bumi bergoncang dengan dahsyat dari bawah permukaan bumi, maka semua yang berada di atasnya akan hancur” (ibn Kathir, 1998; az-Zuhaīliy, 2014)

Oleh itu, antara tujuan mempelajari *i'jaz bayāni* adalah untuk menerokai keunggulan gaya bahasa dalam al-Qur'an yang tidak sekadar rantaian lafaz menghubungkan ayat, bahkan menjelaskan sesuatu yang diluar dari kefahaman umum sesuatu ayat sama ada melalui *ma'ani*, *bayān* atau *badi'*. Firman Allah S.W.T:

﴿إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya Kami menurunkan kitab itu sebagai Qur'an yang dibaca dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal untuk) memahaminya*” (Yusuf, 12: 2).

Ayat di atas menjelaskan hakikat dan kepentingan al-Qur'an dan bahasa Arab yang menuntun manusia memahami '*aqidah* yang lurus, *syari'at* yang *sahih* dan akhlak yang mulia berdasarkan ketinggian bahasa yang diturunkan melalui kepelbagaian disiplin ilmu (az-Zuhailiy, 2014) agar manusia dapat memahami dan mendalami al-Qur'an sebagaimana penggunaan partikel لعل bagi menerangkan harapan dan kebimbangan sekiranya manusia tidak menggunakan akal untuk memahami al-Qur'an (Zarqīniy, 1995)

Secara ironinya, kajian terhadap *i'jaz bayāni* dan *ilmi* berkaitan fenomena kiamat dalam al-Qur'an ini merupakan satu penelitian yang mendalam terhadap peristiwa besar yang akan berlaku. Kajian mengenai fenomena kiamat ini memerlukan kepada usaha yang berterusan untuk menggali, menyingkap dan membongkarkan rahsia keindahan gaya bahasa al-Qur'an sekaligus menerapkan kecintaan kepada ayat-ayat Allah ini sehingga tiada masa atau had yang boleh mengenenpikan keistimewaan bahasa al-Qur'an ini (Aziz, 1997).

Menyedari hakikat tersebut, pengkaji cuba mengutarakan satu kajian ilmiah bagi menyingkap rahsia disebalik fenomena kiamat dalam al-Qur'an menerusi perbincangan aspek kajian *i'jaz bayāni* dan *ilmi* dengan menjadikan fenomena kiamat dari konteks kehancuran, kemusnahan dalam al-Qur'an sebagai bahan kajian, dalam masa yang sama memastikan penelitian terhadap fenomena kiamat lebih meluas dan tidak terhad kepada tanda-tanda kecil dan besar sahaja. Hal ini bertepatan dengan prinsip al-Qur'an yang bukan semata-mata karya sastera, bahkan disiplin ilmu bahasa yang terdapat padanya melebihi apa yang ada pada bahasa lain (Hidayat, 2010).

Sebagai pengenalan kepada kajian ilmiah ini, pengkaji membincangkan dalam bab satu ini beberapa persoalan asas yang perlu dijelaskan sebelum memasuki perbincangan yang lebih mendalam. Ia merangkumi pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definasi operasional dan juga kesimpulan.

### 1.3 Penyataan Masalah

Kemukjizatan al-Qur'an dari sudut gaya bahasa dan ilmiah merupakan antara disiplin ilmu yang besar tercatat dalam al-Qur'an al-Karim. Sejumlah besar ayat al-Qur'an adalah menerangkan tentang kewujudan Allah S.W.T, kejadian alam semesta (Saipolbarin,

2015) dan fenomena alam. Dalam hal ini, hampir 17% adalah ayat yang berkaitan dengan fenomena kiamat (Qutb, 2006) yang dipaparkan dalam bentuk lafaz, ayat dan surah dengan gaya bahasa yang berbeza-beza.

Al-Qurtūbiy (2016) membuat penegasan bahawa, lafaz yang merujuk kepada fenomena kiamat dalam al-Qur'an al-Karim merupakan antara lafaz yang paling banyak disebut dalam pelbagai variasi lafaz, ayat dan surah termasuk beberapa surah yang dinamakan secara khusus dengannya. Kedudukan lafaz yang berbeza-beza ini menyebabkan makna pada setiap lafaz itu sukar difahami. Namun, sekiranya pemerhatian kepada lafaz atau ayat menggunakan *i'jaz bayāni* dan *ilmi*, maka kefahaman sesuatu ayat itu akan lebih jelas (Ammar, 2003).

Di samping itu, penggunaan gaya bahasa perbandingan seperti *tashbih* dalam menerangkan fenomena kiamat ini merupakan antara perkara yang memerlukan penjelasan terperinci untuk difahami disebabkan setiap perbincangan yang melibatkan ayat dalam konteks ini sarat dengan kandungan makna dan interpretasi yang mendalam (Hanik, 2004)

Kesan daripada mengabaikan *i'jaz bayāni* dan *ilmi* yang terkandung pada fenomena kiamat dalam al-Qur'an ini akan menyebabkan salah faham terhadap ayat yang menggunakan lafaz fenomena kiamat yang sama tapi berbeza pada konteks. Misalnya, penggunaan lafaz *zalzalah* pada beberapa ayat dalam al-Qur'an. Allah S.W.T berfirman:

(إِنَّ زَلْزَلَةَ السَّاعَةِ شَيْءٌ عَظِيمٌ)

Maksudnya: "Sesungguhnya gegaran hari kiamat itu adalah suatu yang sangat besar." (al-Hajj, 22:1)

Pada surah al-Hajj (22:1), Allah mendatangkan lafaz *zalzalah* menerusi ayat yang menggambarkan fenomena gegaran hari kiamat adalah sesuatu yang besar. Melalui ayat ini, Allah mendatangkan lafaz *zalzalah* dalam kondisi pemahaman dan interpretasi yang berbeza mengikut struktur ayat. Lafaz *zalzalah* didatangkan dalam bentuk *isim inna* dan di-*idafah*-kan kepada lafaz *al-Sa'ah* yang merujuk kepada hari kiamat dalam bentuk perkhabaran tentang fenomena kiamat menerusi *khobar talabiy*. Oleh itu, gambaran dalam ayat ini adalah merujuk kepada keadaan gegaran hari kiamat yang sangat besar dan berbeza dengan situasi gegaran yang berlaku pada hari ini (Al-Sya'rawiy, 1997). Allah S.W.T berfirman:

(هَتَالِكِ أُنْبِيَ الْمُؤْمِنُونَ وُزُلُّوا زِلْزَالًا شَدِيدًا)

Maksudnya: "Disitulah diuji orang-orang mukmin dan digoncangkan (hatinya) dengan goncangan yang sangat dahsyat." (al-Ahzab, 33:11)

Pada surah al-Ahzab (33:11) menerusi lafaz *zulzilu zilzalan* menjelaskan tentang kondisi goncangan pada hati manusia iaitu orang mukmin disebabkan kekalutan (Ibn Ashur, 1984). Allah datangkan maksud *zulzilu zilzalan* menerusi *al-fi'il al-Mabniy lil Majhul*



dan *maṣḍar* yang menerangkan kegoncangan dan situasi kelam kabut sebagaimana bencana gempa bumi berlaku. Namun, permulaan ayat ini dinyatakan tentang orang-orang mukmin diuji bagi memperlihatkan yang mana mempunyai hati yang teguh berdasarkan penggunaan *insya' jalabiy* dalam bentuk pola '*amr*'. Justeru, gambaran yang dinyatakan dalam ayat ini adalah merujuk kepada getaran hati orang-orang mukmin apabila diuji dengan kekalutan pada saat berlakunya tersebut (az-Zuhailiy, 2014)

Oleh hal demikian, penguasaan *i'jaz bayāni* menerusi elemen *ma'ani* adalah penting dalam memahami makna fenomena kiamat yang melibatkan variasi lafaz yang pelbagai dengan tujuan umum yang sama iaitu kehancuran dan kebangkitan (al-Mubayyad, 2006). Dalam konteks ini, pemerhatian melalui *i'jaz ilmi* akan menghilangkan kemusykilan tentang sesuatu maksud yang melibatkan fenomena kiamat dalam al-Qur'an (Qutb, 2006) dan membanding bezakan dengan bencana alam yang berlaku pada ketika ini.

Perkaitan antara *i'jaz bayāni* dan *ilmi* pada fenomena kiamat dalam al-Qur'an ini membawa kepada penggunaan lafaz yang menjelaskan fenomena kiamat. Misalnya, lafaz gegaran dalam al-Qur'an didatangkan dengan beberapa lafaz yang berbeza iaitu *zalzalah* (al-Zalzalāh 99:1), *rajfah* (al-A'raf 7:78) dan *rajja* (al-Wāqī'ah 56:4). Hal ini dapat difahami dengan merujuk kepada konteks ayat iaitu sebab penurunan ayat berdasarkan kedudukan tertentu (Fazilah dan Munirah, 2012), dan perbincangan mendalam dari sudut *i'jaz ilmi* yang akan membezakan di antara istilah gegaran dari faktor pergerakan tektonik, aktiviti gunung berapi, letupan dan aktiviti manusia (Agong, 2010).

Melalui pengamatan pengkaji, penentuan makna yang berbeza tentang fenomena kiamat dalam al-Qur'an boleh menyebabkan kefahaman tentang sesuatu situasi berubah. Misalnya, firman Allah S.W.T:

﴿يَوْمَ تَرْجُفُ الْأَرْضُ وَالْجِبَالُ وَكَانَتِ الْجِبَالُ كَثِيبًا مَّهِيلًا﴾

Maksudnya: "(Azab itu tetap berlaku) pada hari bumi dan gunung-ganang bergoncang (serta hancur lebur) dan menjadilah gunung-ganang itu timbunan pasir yang mudah bersepah." (al-Muzammil, 73:14)

Sebahagian ulamak tafsir (Ibn Ashur, 1984; Al-Sayūṭiy, 2003; az-Zuhailiy 2014) berpendapat, maksud ayat ini adalah merujuk kepada kemusnahan yang berlaku pada hari kiamat berdasarkan penggunaan lafaz *ترجف* (goncangan) yang kuat. Kefahaman terhadap ayat ini merujuk kepada orang-orang kafir yang disiksa ketika bumi dan gunung bergegar sehingga menyebabkan manusia yang berada di atasnya berada dalam keadaan terhuyung-hayang. Keadaan gunung yang keras kemudiannya berubah menjadi pasir yang berterbangan dengan keadaannya yang mencair sehingga manusia dan haiwan akan mengalir di dalamnya umpama air (az-Zuhailiy, 2014). Al-Sayūṭiy (2003) Menjelaskan, penggunaan perkataan *كثيبًا مهيلًا* adalah merujuk kepada pasir lembut, sekiranya dipijak padanya, maka kaki akan terperosok ke dalamnya.

Justeru, kajian yang mengaitkan lafaz fenomena kiamat dalam al-Qur'an ini wajar dilaksanakan. Berdasarkan kepada faktor ini, penggunaan elemen *ma'ani* yang membentuk teori *ma'ani* oleh Lāysin dan pemahaman terhadap konteks situasi ayat berdasarkan teori *Halliday's Systemic Functional Linguistic* (SFL) adalah bertepatan dengan bahan kajian. Fungsi elemen ini jelas memberikan implikasi yang besar dalam penafsiran lafaz dan ayat fenomena kiamat. Dalam hal ini, makna yang jelas dan terperinci akan mempengaruhi minda pembaca ke arah kekuatan dan keimanan kepada Allah S.W.T. Hal ini berdasarkan tanda-tanda kebesaran-Nya dalam menciptakan bumi dan memusnahkan ketika tiba saat hari kiamat (Al-Ali et.al, 2016).

Secara tuntasnya, kajian yang menfokuskan kepada *i'jaz bayani* dan *ilmi* berkaitan fenomena kiamat dalam al-Qur'an ini tidak sekadar menjurus kepada makna gambaran hari kiamat sahaja, bahkan merangkumi keseluruhan maksud yang melatari kehidupan manusia. Kajian ini diharapkan dapat menghasilkan sesuatu pendekatan yang boleh merapatkan jurang kefahaman terhadap fenomena kiamat dalam al-Qur'an selain daripada perbincangan tanda-tanda kecil dan besar.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Dalam usaha untuk membincangkan *i'jāz bayāni* dan *ilmi* berkaitan lafaz fenomena kiamat dalam al-Qur'an, kajian ini telah menggariskan tiga objektif utama untuk direalisasikan, iaitu:

1. Mengenal pasti elemen *i'jaz bayāni* dan *ilmi* berkaitan fenomena kiamat dalam al-Qur'an.
2. Menganalisis konteks dan makna nahu berkaitan fenomena kiamat dalam al-Qur'an.
3. Merumuskan tema berkaitan fenomena kiamat dalam al-Qur'an.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Berdasarkan objektif yang telah diutarakan, kajian ini adalah bertujuan untuk menjawab soalan-soalan berikut:

1. Apakah elemen *i'jaz bayāni* dan *ilmi* yang berkaitan dengan fenomena kiamat dalam al-Qur'an?
2. Apakah fungsi konteks dan makna nahu yang berkaitan dengan fenomena kiamat dalam al-Qur'an?
3. Bagaimanakah al-Qur'an menjelaskan tema melalui fenomena kiamat?

#### **1.6 Kepentingan Kajian**

Kepentingan kajian ini adalah merujuk kepada pengkaji mengetengahkan sebuah kajian yang menjelaskan tentang *i'jaz bayāni* dan *ilmi* berkaitan fenomena kiamat yang terdapat dalam al-Qur'an menerusi pendekatan teori *ma'ani* Lāsyīn dan Hallidays *Systemic Functional Linguistics*.

*I'jaz bayāni* dan *ilmi* dipilih kerana perbahasan fenomena kiamat adalah berkaitan dengan cara penjelasan keadaan huru hara kiamat dan situasi manusia yang menghadapi peristiwa tersebut. Penggunaan *bayān* ini berdasarkan pengertian dari Ibn Manzur (1994) adalah kemampuan dalam menzahirkan makna dengan lafaz yang paling ringkas dengan membawa makna yang jelas. Manakala dari sudut *i'jaz ilmi* pula adalah berdasarkan fakta sains dan teknologi yang diperolehi hasil kajian sarjana moden melalui pemahaman yang mendalam terhadap al-Qur'an al-Karim (al-Najjar, 2006).

Fenomena kiamat yang terdapat dalam al-Qur'an memaparkan pendekatan yang menerusi penggunaan perkataan yang sama namun makna dan berbeza-beza (al-Qurtubiy, 2004). Melalui pendekatan *ma'ani*, gambaran fenomena kiamat yang dipaparkan lebih jelas khususnya melibatkan penggunaan *khavar* dan *insya'* dalam menjelaskan sesuatu situasi. Manakala penjelasan melalui *i'jaz ilmi* adalah lebih terfokus kepada perbahasan yang lebih mendalam melibatkan elemen saintifik. Oleh yang demikian, penggunaan *i'jaz bayāni* dan *ilmi* merupakan pendekatan yang bersesuaian bagi memberi penjelasan tentang sesuatu fenomena kiamat yang lebih luas.

Melalui kajian ini, pengkaji dapat melihat bentuk fenomena kiamat dalam al-Qur'an menerusi kefahaman terhadap lafaz dan konteks sesuatu ayat tersebut. Hal ini dapat menjelaskan tentang sesuatu ayat berkaitan fenomena kiamat, selain daripada perbahasan tanda kiamat kecil dan besar yang telah dibahaskan melalui hadith-hadith baginda Nabi S.A.W (al-Mubayyad, 2006)

Pemilihan fenomena kiamat sebagai bahan kajian mempunyai fungsi yang tertentu. Dalam konteks ini, fenomena kiamat yang terdapat dalam al-Qur'an tidak sekadar menfokuskan kepada perbahasan tanda-tanda kiamat kecil dan besar sahaja, bahkan melibatkan gambaran kepada kesan bentuk muka bumi akibat gegaran, rekahan, dan runtuhan. (al-Najjar, 2006).

Qutb (2006) menjelaskan, al-Qur'an merupakan sumber utama dalam perbahasan fenomena kiamat yang melibatkan kemusnahan dan kehancuran bumi. Dalam hal ini, kedudukan al-Qur'an menerusi *i'jaz ilmi* akan terus terpelihara dengan kajian-kajian saintifik berkaitan fenomena ini akan terus dijadikan rujukan yang penting selain dari tanda-tanda kiamat kecil dan besar menerusi hadith Nabi S.A.W.

Situasi fenomena kiamat ini juga melibatkan sejumlah variasi lafaz fenomena kiamat yang berbeza-bza dengan tujuan asas yang sama iaitu menggambarkan kemusnahan dan kehancuran bumi. Al-Qurtubiy (2004) menjelaskan, kedudukan variasi lafaz fenomena kiamat yang banyak dalam al-Qur'an memberi gambaran bahawa, setiap lafaz tersebut mempunyai makna lafaz yang tersendiri dalam menjelaskan situasi kiamat.

## **1.7 Batasan Kajian**

Penentuan batasan kajian amat penting untuk memastikan kajian tersebut berfokus dan terarah kepada permasalahan yang dikaji. Kajian ini bertunjangkan bidang *i'jāz*

*bayāni* dengan hanya memfokuskan kepada elemen *ma'ani*. Penumpuan terhadap elemen *ma'ani* ini merangkumi perbincangan *khobar* dan *insya'*, *taqḍīm* dan *ta'khir*, *ta'arif* dan *tankir*, *qasr*, *zikr* dan *hazf*, *ijāz*, *itnāb*, dan *musāwat*.

Bahan kajian yang dipilih pula hanya melibatkan fenomena kiamat yang terdapat di dalam al-Qur'an sahaja (Qutb, 2006) tanpa melihat kepada lafaz atau makna yang terdapat dalam hadith Nabi S.A.W. Fenomena kiamat ini dilihat dari gambaran kemusnahan yang berlaku kepada bumi berdasarkan *i'jaz ilmi* (an-Najjar, 2006) Batasan ini dibuat bagi memastikan setiap lafaz fenomena kiamat yang dikeluarkan adalah dari al-Qur'an dan penumpuan terhadap lafaz tersebut adalah lebih terarah kepada satu sumber yang jelas dan tepat.

Bahan lain yang dibincangkan adalah jenis elemen *ma'ani*, lafaz yang melatari ayat dalam fenomena kiamat, pemilihan perkataan kiamat, latar fenomena kiamat dan rumusan konsep lafaz fenomena kiamat dalam al-Qur'an. Teori *ma'ani* oleh Lāysin (2009) dan Teori *Halliday's Systemic Funtional Language* (SFL) digunakan dalam kajian untuk melahirkan pemahaman yang mendalam terhadap bidang kajian, selain daripada meneliti dan mengenal pasti jenis elemen *ma'ani*, makna dan rumusan lafaz yang terdapat pada fenomena kiamat berkaitan geologi dalam al-Qur'an al-Karim.

## **1.8 Definisi Operasional Kajian**

Dalam sub-tajuk ini, terminologi yang menjadi fokus utama kajian dipilih dan diperincikan untuk memastikannya sejajar dengan perspektif kajian ini. Pengkaji telah menggunakan definisi operasional seperti berikut:

### **1.8.1 I'jaz Bayāni**

*I'jaz bayāni* merupakan salah satu cabang dari cabang-cabang kajian *i'jāz al-Qur'an* yang dikategorikan sebagai *i'jāz al-Lafziy* (*i'jāz* dari sudut lafaz). Menurut al-Najjar (2007), *I'jaz bayāni* mempunyai fungsi yang sama dengan *I'jaz Lūghāwiy*, *Adābīy*, *al-Balāghiy*, *al-Nazhāmiy*, *al-Lafzhiy* dan *al-Dalāliy* dalam membahaskan secara terperinci susun atur al-Qur'an dan ketinggian bahasa serta *balāghah* al-Qur'an. Dalam kajian ini, *i'jaz bayāni* bermaksud perbincangan susun atur lafaz dan ayat al-Qur'an berkaitan fenomena kiamat.

### **1.8.2 Ma'ani**

Ilmu yang membincangkan tentang sesuatu lafaz bahasa Arab yang disesuaikan dengan keadaan situasi dan kondisi. Melalui ilmu *ma'ani* sesuatu lafaz dapat dijelaskan dengan mengetahui bentuk-bentuk lafaz berdasarkan *muqtaḍa al-ḥal* (Wahid, 2016). Walaupun makna literal sesuatu lafaz itu hampir sama, namun dari sudut konteks situasi dan kondisinya adalah berbeza. Perbincangan ilmu *ma'ani* adalah melibatkan sejumlah lafaz dalam ayat yang akan disoroti melalui bentuk, fungsi dan kepelbagaian gaya bahasa

yang menjelaskan tentang sesuatu situasi ayat (Al-Sa'idiy, 2005). Dalam konteks kajian ini, perbhasan ilmu *ma'ani* adalah melibatkan gaya bahasa *khobar* dan *insya'*, *taqdīm* dan *ta'khir*, *ta'arif* dan *tankir*, *qasr*, *zīkr* dan *hazf*, *ijāz*, *itnāb*, dan *musāwaṭ* pada fenomena kiamat dalam al-Qur'an.

### 1.8.3 *I'jaz Ilmi*

*I'jaz ilmi* dalam al-Qur'an bermaksud kewujudan fakta dan isyarat ilmiah tentang alam semesta yang terdapat dalam al-Qur'an. Fakta dan isyarat ini tersingkap melalui kajian-kajian ilmiah yang dijalankan oleh generasi terkemudian berdasarkan kemajuan ilmu pengetahuan yang tidak diketahui pada zaman Nabi Muhammad S.A.W (al-Najjar, 2006). Dalam konteks kajian ini, fenomena kiamat yang terdapat dalam al-Qur'an adalah melibatkan perbhasan dari sudut *i'jaz ilmi* dengan menfokuskan kepada kajian saintifik apabi merungkai lafaz dan ayat berkaitan fenomena kiamat dalam al-Qur'an.

### 1.8.4 Fenomena Kiamat

Fenomena kiamat merupakan hari kebangkitan dan pembalasan bagi semua makhluk Allah S.W.T selepas dimatikan. Proses ini merupakan satu bentuk penilaian oleh Allah S.W.T kepada hambanya bagi menentukan tempat kekal abadi samaada syurga ataupun neraka (Al-Ashqar, 1990). Dalam konteks kajian ini, beberapa fenomena kiamat akan dilihat yang memberi gambaran tentang satu bentuk situasi dunia yang bakal musnah apabila saat yang dijanjikan oleh Allah S.W.T

## 1.9 Kesimpulan

Bab ini memberi gambaran tentang kemukjizatan al-Qur'an dalam bentuk gaya bahasa dan saintifik menerusi fenomena kiamat. Al-Qur'an menjelaskan fenomena kiamat melalui pelbagai bentuk gaya bahasa dan saintifik bagi merungkaikan kekeliruan di antara fenomena kiamat dan bencana yang digambarkan oleh Allah S.W.T dalam al-Qur'an. Seterusnya, bab ini membincangkan permasalahan kajian, objektif dan persoalan yang melatari kajian serta batasan untuk menjadikan kajian ini berfokus. Kemudian disusuli dengan kepentingan kajian dan diakhiri dengan definisi operasional yang berkaitan dengan kajian ini.

## BIBLIOGRAFI

Al-Qur'an al-Karim

- A. Wirma Sari R, Jasruddin, Nasrul Ihsan. (2012). Analisis Rekahan Gempa Bumi dan Gempa Bumi Susulan Dengan Menggunakan Metode Omori. *Jurnal Sains dan Pendidikan Fisika*. 8(3). 263-268.
- 'Abbas, Faḍl Hassan. (2009). *Al-Balāghah Funūnū-ha Wa Afnānū-ha: Ilmu Al-Bayān wa al-Badi'*. Ammān: Dār al-Nafā'is.
- 'Abbas, Faḍl Hassan. (2009). *I'jāz al-Qur'an al-Karim*. Ammān: Dar al-Nafa'is.
- 'Abdul Aziz Bin Mohd Zain. (1997). *Al-Qur'an dan Mesej Kesejahteraan Sejagat*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- 'Abdul Baqīy, Muhammad Fuad. (1992). *Al-Mu'jam al-Mufaḥiris Li al-Faz al-Qur'an*. Beirut: Dār al-Fikr.
- 'Abdul Rahman al-Turkiy. (1425H). *Masyahid al-Qiyāmah*. Riyād: Dār al-Waṭn li al-Nashr
- 'Abdul Wahid Salleh, Mohd Shaifulbahri Abdullah dan Lazim Omar. (2016). *Ilmu Balāghah Lengkap (Ma'ani, Bayan dan Badi')*. Selangor: Dār al-Syakir.
- 'Abdullah bin Abdul Aziz al-Muṣleh dan Abdul al-Jawad al-Ṣāwī. (2008). *I'jaz Ilmi fi al-Qur'an Wa as-Sunnah*. Jeddah: Dār Jiyad lil Nashr Wa al-Tawzi'.
- Abu Zurāt, Muḥammad. (1970). *Al-Mukjizat al-Kubra*. Kaherah: Dār al-Fikr al-Arabiyy li at-Ṭiba'at wa al-Nashr.
- Agong Sedayu. (2010). Gempa Menurut Al-Quran dan Sistem Struktur Bangunan. *Ulul Albab Jurnal Studi Islam*. 4(1), 37-49.
- Akhtar Rizvi, Maulana Syed Saeed. (1994). *Day of Judgement*. Tanzania: Bilal Muslim Mission of Tanzania.
- Al-'Akub Isa Ali dan Al-Syatiwiyy Ali Said. (1993). *Al-Kāfi fi 'Ulum al-Balāghah al-Arabiyyah al-Ma'ani al-Bāyan al-Badi'*. Al-Jāmi'ah al-Maftuh.
- Al-'Ashfahāniyy, al-Husain bin Muḥammad al-Ma'ruf bin Rāghib. (2009). *Al-Mufradat fi Ghārib al-Qur'an*. Beirut: Dār al-Qalam
- Al-'Areefi, Muḥammad. (2011). *Berakhirnya Dunia Ini, Tanda-tanda Kiamat Kecil dan Besar*. Petaling Jaya, Selangor: Dakwah Corner Bookstore.
- Al-'Askariyy, al-Ḥasan bin Abdullah bin Sahl. (1998). *Al-Sinā'atayn; al-Kitābah Wa al-Shi'r*. Beirut: Maktabah al-Unṣuriyyah
- Al-'Ashqar, Umar Sulaiman. (1990). *Al-Yāum Al-Akhirah: Al-Qiyāmat Al-Kubra*. Ammān: Dār al-Nafā'is.
- Al-'Azdiyy, Abu Bakar Muḥammad bin al-Hussin. (1987). *Jamharah al-Lughāh*. Beirut: Dār al-'Ilmu al-Malāyin.
- Al-Bāqillāniyy, al-Qādiy Abu Bakar Muḥammad bin al-Ṭhāib. (1997). *I'jāz Al-Qur'an*. Kaherah: Dār al-Ma'arif.
- Al-Bawab, Ghādah Ahmad Qasim. (2006). *Al-Taqdīm wa al-Ta'khir fi al-Mithāl al-Arabiyy: Dirasah Nahwiyyah Balāghiyah*. Tesis Sarjana. Mu'tah: Jamiah Mu'tah.
- Al-Fayrūzābādiyy, Majd al-Dīn Abu Ṭāhir Muḥammad bin Ya'acob. (2005). *Al-Qāmūs al-Muḥīṭ*. Beirut: Muas'sasah al-Risālah
- Al-Farahidiyy, Al-Khalil bin Ahmad. (2003). *Kitab al-Ain Murattab 'al Huruf al-Mu'jam*. Bairūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Al-Hāshimiyy, Ahmad. (1999). *Jauhār al-Balāghah fi al-Ma'ani Wa al-Bāyan Wa al-Badi'*. Beirut: Maktabah al-'Asriyyah.

- Ali Al-Ali, Ahmad El-Sharif, Moḥammad Sasyel Alzyoud. (2016). The Funtions and Linguistic Analysis of Metaphor in The Holy Qur'an. *European Scientific Journal*. 12(14). 164-174.
- Ali al-Jārim dan Mustapha Amin. (t.th). *al-Balāghah al-Waḍih; al-Bayan wa al-Ma'ani wa al-Badi'*. Beirut: al-Maktabah al-'Ilmiyyah
- Ali, Faḍlullah al-Nur. (2011). *Zahiraṭ al-Taqdīm Wa al-Ta'khīr fī al-Lughāh al-Arabiyyah. Majalah al-'Ulum Wa al-Taqānah. Jāmiyah al-Sudān lil 'Ulum Wa al-Teknologiyya*. 12(2). 179-193.
- Al-Ghazāliyy, Abu Ḥamīd Muḥammad bin Muḥammad. (1986). *Jawāhir al-Qur'an*. Beirut: Dār 'Ihya' al-'Ulum.
- Al-Jahiz, Abu Uthman 'Amr bin Bahr. (1968). *Al-Bayān wa al-Tabyīn*. Bairūt: Dār al-Fikr.
- Al-Jalyahāwiy, Rafid Najīy Wadīy. (2009). *Al-Taqdīm Wa al-Ta'khīr fī Nahjī al-Balāghah: Dirasah Nahwiyyah Uslubiyyah*. Tesis Sarjana Iraq: Jamiah Babylon.
- Al-Jāwziyy. (1987). *Fununu Al-Afnanu Fi 'Uyyuni 'Ulūm Al-Qur'an*. Beirut: Dār al-Basyā'ir.
- Al-Jurjāniyy, 'Abd al-Qahir. (1994). *Dalā'il al-I'jaz*. Sunt. Muḥammad Rashid Ridā. Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- Al-Khālidiyy, Abdul Fattah Salah. (1992). *Al-Bayān fī I'jāz al-Qur'an*. Ammān: Dār Ammān li al-Nashr Wa al-Tawzi'.
- Al-Khāṭṭabiyy, Al-Rummāniyy, Al-Jurjaniyy. (t.th). *Thalathu Rasā'il fī I'jaz al-Qur'an*. Beirut: Dār al-Ma'arif
- Al-Madniyy Ali, Al-Thahir Muḥammad. (2004). *Al-Fasl Wa al-Wasl Baina Ilmu al-Qiraat wa Ilmu al-Nahu: Dirasah Sautiyyah*. Tesis Ph.D. Ammān: Jamiah al-Urduniyyah.
- Al-Marāghiy, Ahmad Mustafa. (1993). *'Ulum al-Balāghah al-Bāyan Wa al-Ma'ani Wa al-Badi'*. Bairūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyat.
- Al-Maṣiriyy, Munir Maḥmud. (2005). *Dalālat al-Taqdīm Wa al-Ta'khīr fī al-Qur'an al-Karim: Dirasah Tahliyyah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Mubārak, Mazin. (1981). *Al-Mujiz Fi Tarikh al-Balāghah*. Damsyīk: Dār al-Fikr.
- Al-Mubayyaḍ, Muḥammad Ahmad (2006). *Al-Mausu'ah fi al-Fitān wa al-Malāhīm wa Asyrah as-Sā'ah*. Kaherah: Muāsasah al-Mukhtar lil Nashr wa al-Tawzi'
- Al-Mubayyaḍ, Muḥammad Ahmad (2013) *Ensiklopedia Akhir Zaman*. Jawa Tengah: Granada Mediatama.
- Al-Murashi, Wael Abdul Rahman. (2016). An Introduction to Halliday's Systemic Functional Linguistics. *Journal for the Study of English Linguistics*. 4(1). 70-80.
- Al-Najjar, Zaghluḥ Raghīb. (2006). *Qaḍiyyat al-I'jāz Ilmi Bayna Al-Mu'ayyid wa Al-Mu'arid*. Ammān: Jām'iyyat al-Muhafazat ala al-Qur'an al-Karim.
- Al-Najjar, Zaghluḥ Raghīb. (2007). *Tafsir al-'Ayah al-Kauniyyah fī al-Qur'an al-Karim*. Kaherah: Maktabah al-Syurūq al-Dawliyyah.
- Al-Najjar, Zaghluḥ Raghīb. (2008). *Al-Mafhum Al-Ilmi Lil Jabal Fi Al-Qur'an Al-Karim*. Kaherah: Maktabah al-Syurūq al-Dawliyyah.
- Al-Nursi, Badiuzzaman Said al-Nursi. 2013. *The Words*. Turki: Sozler Publication.
- Al-Qattan, Manna Khalil. (2000). *Mabāhith fī 'Ulum al-Qur'an*. Kaherah: Maktabah Al-Ma'arif li Nashr Wa al-Tawzi'.
- Al-Qudhāh, Sharaf Maḥmud Muḥammad. (2016). *Kronologi Hari Kiamat*. Shah Alam: Telaga Biru.
- Al-Qurṭubiy, Muḥammad bin Ahmad al-Anṣāriyy. (2016). *Rahsia Kematian, Alam Akhirat dan Kiamat*. Selangor: Al-Hidayah house of Publishers.

- Al-Qurṭubiy, Muhammad bin Ahmad al-Anṣāriy. (2004). *At-Tāzkīrāt bī Ahwāl Al-Māuti wa Ūmur Al-Akhīrah*. Mamlakatu al-Arabiyyah al-Sa'udiyyah: Maktabah Dār al-Manhaj.
- Al-Rāfi'iy, Muṣṭafa Shādiq. (2005). *I'jāz al-Qur'an Wa Balāghah al-Nabawīyyah*. Bairut: Dar al-Kitab al-Arabiyy.
- Al-Rājhiy, Abduh. (2008). *al-Taṭbiqu al-Nahwiyy*. Ammān: Dār al-Masirah lil al-Nashri wa al-Tawzi'.
- Al-Rājhiy, Abduh. (2008). *al-Taṭbiqu al-Sarfiyy*. Ammān: Dār al-Masirah lil al-Nashri wa al-Tawzi'.
- Al-Rāziy, Fakr al-Din Muḥammad bin Umar. (1987). *Tafsir al-Kabir wa Mafatih al-Ghaib*. Beirūt: Dār al-Fikr.
- Al-Sa'idiy, Abdul al-Muta'aliy. (2005). *Būghyatul al-Idoh li Talkhis al-Miftah fi Ulum al-Balāghah*. Maktabah al-Adab.
- Al-Sakkākiy, Siraj al-din Abu Yaakub Yussuf Ibnu Abu Bakar Muhammad bin Ali. (2000). *Miftah al-'Ulum*. Beirūt: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah
- Al-Ṣarairah, Nur Ata' Allah. (2007). *Al-Ta'rif Wa al-Tankir Baina al-Nahwiyyin Wa al-Balāghīyyin: Dirasat Dalāliyyah waẓfiyyah*. Tesis Sarjana. Mu'tah: Jami'ah Mu'tah.
- Al-Syārif al-Jurjāniy, Ali bin Muḥammad bin Ali al-Zain. (1983). *Kitab al-Ta'rifaat*. Beirūt: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Sya'rawiy, Muhammad Mutawalla. (1997). *Tafsir al-Sya'rawiy*. Maṭabi' Akhbar al-Yaum.
- Al-Sayūṭiy, Jalāl al-Dīn. (2003). *Durrun al-Manthur fi al-Tafsir bi al-Ma'thur*. Kaherah: Markaz hijr lil buhuth wa dirasāt al-Arabiyyah wa al-Islamiyyah.
- Al-Zarkhasiy, Badruddin (2006). *Al-Burhān Fi 'Ulum Al-Qur'an*. Beirūt: Dār al-Thurath
- Al-Zindānī, 'Abd al-Majīd bin 'Azīz (t.t). *Ta'sil al-Ija al-Ilmi fi al-Qur'an wa al-Sunnah*. Sana'a: Markaz al-Buhūth bi Jāmi'ah al-Īmān.
- Al-Zūrqāniy, Muhammad Abdul Azim. (1995). *Manāhil al-Irfan fi 'Ulum al-Qur'an*. Beirūt: Dār al-Kutub al-'Arabiyy.
- Ammar Sasi. (2003). *Al-I'jāz Al-Bayāni fi Al-Qur'an Al-Karim, Dirāsah Naẓariat al-Bayāni fi Ayat Al-Muhakkamaṭ*. Jaza'ir: Dār Al-Ma'ārif Lil-Intāj wa Al-Tawzi'.
- 'Atiq, Abdul Aziz. (1998). *Fi al-Balāghah al-Arabiyyah*. Beirūt: Dār al-Nahḍah al-Arabiyy.
- Az-Zabīdiy, Sayyid Muḥammad al-Murtaḍa al-Husaini. (1975). *Taj al-'Arus min Jawahir al-Qamus*. Kuwait: Matba'ah Hukumah al-Kuwait.
- Az-Zamākhshāriy, Muḥammad bin Umar. (1987). *Al-Kasysyaf an Haqaiq al-Tanzil wa Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Ta'wil*. Beirūt: A'lam al-Kutub.
- Az-Zamākhshāriy, Muḥammad bin Umar. (1971). *Al-Faiq fi Gharib al-Hadis wa al-Athar*. Beirūt: Dār al-Ma'arif.
- Az-Zuhāiliy, Wahbah (2014). *Tafsir al-Munir: Fil 'Aqidah wa al-Syariah wa al-Manhaj*. Jakarta: Gema Insani
- Bailey, Brad. (2010). Evidence of the moon having been split in two. <https://lunarscience.nasa.gov/?question=evidence+moon+having+been+split+two>.
- Balḥāf, Amar Fā'il Muḥammad. (2012). Min Mazāhir al-Ilṭiqa' Baina Fikr 'Abd Qahir Fi al-Nazm Wa Ba'd Mabadi' al-Lughāwiyyah Li Madrasah London. *Jurnal Majallah al-Dirasat al-Lughāwiyyah Wa al-Adabiyyah*. 2. 5-38.
- Bilal Philips. (2008). *The Challenge of The Quran*. Riyadh: Islamic Propagation Office.
- Bavali, M., & Sadighi, F. (2008). Chomsky's Universal Grammar and Halliday's Systemic Functional Linguistics: An Appraisal and a Compromise. *Journal of Pan-Pacific Association of Applied Linguistics*, 12(1).



- Chua Yan Piaw. (2014). *Kaedah Penyelidikan*. Selangor: Mc Graw Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- David P. Hill, Fred Pollitz, dan Christopher Newhall. (2002). Eartquake-Volcano Interactions. *Physics Today*. November. 41-47.
- Dave Hunt. (2005). *Judgment Day: Islam, Israel and the Nations*. The Berean Call. Bend, Oregon.
- Daraziy, Shobah 'Abid. (1986). *Asālib al-Qasr fi al-Qur'an al-Karim Wa Asrāru-ha al-Balāghah*. Kaherah: Maktabah Amanah.
- Daraziy, Shobah 'Abid. (1986). *Fi Balāghah al-Quraniyyah: Asrar al-Fasl wa al-Wasl*. Kaherah: Maktabah Amanah.
- Dayf, Shawqi. (1992). *Al-Balāghah Taṭauwur wa Tarikh*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Deassy Siska, Wesli. (2013). Analisa Arah Rupture Sebagai Parameter Gempa Bumi. *Seminar Nasional Rekayasa dan Teknologi*. 203-216
- Eggins, Suzanne. (2004). *An introduction to systemic functional linguistics*. London: Continuum International Publishing Group.
- Fuad Nikmah. (t.th). *Mulakhas Qawaid al-Lughāh al-Arabiyyah*. Kaherah: Al-Maktabah al-Ilmi lil Ta'lif Wa al-Tarjamah.
- Halliday, M.A.K and Matthiessen, Christian M.I.M. (2004). *An Introduction to Functional Grammar*. United States of America: Oxford University Press Inc.
- Halliday, M.A.K.(2008). *Complementarities in language(1st ed.)*.Beijing Shi: Commercial Press
- Hanik Mahliatussikhah. (2004). Penggunaan Gaya Bahasa Perbandingan Dalam Ayat-Ayat Al-Qur'an Tentang Hari Kiamat. *Bahasa dan Seni*. 32(2). 175-189.
- Harun Yahya. (2002). *Al-Quran dan Sains*. Indonesia: Penerbit buku buku sains Islam.
- Hassān, Tammām. (2006). *Al-Lughāh al-'Arabiyyah; Ma'nāha Wa Mabnāha*, Kaherah: 'Alam al-Kutub.
- Hidayat. (2010). *Al-Qur'an Bukan Sekadar Karya Sastera*. Jakarta: Islam Digest.
- Hunter, Janet (2015) Earthquakes in Japan: A review article. *Modern Asian Studies*, 50 (1). 415-435
- Ibn 'Ashur, Muhammad Thohir. (1984). *Al-Tahrīr wa al-Tanwīr*. Tunis: Dār al-Tunisiyyah lil Nashr
- Ibn Faris, Abu Ahmad bin Fariz bin Zakaria. (1994). *Mu'jam Maqāyis al-Lughāh*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn Kathir, 'Imad al-Dīn Ismā'īl bin 'Umar. (1988). *Al-Nihayat fi al-Fitan wa al-Malahim*. Bayrūt: Dār al-Jīl.
- Ibn Khaldūn, 'Abd Rahman. (1999). *Muqaddimah Ibn Khaldūn*. Beirut: Dār al-Kitab al-Lubnaniy
- Ibn Jauziy, Jamaluddin Abu al-Fajr. (1987). *Funūn al-Afnāni fi 'Uyun Ulum al-Qur'an*. Beirut: Dār al-Basyāir
- Ibn Manzur, Jalaluddin. (1994). *Lisan al-Arab*. Bairūt: Dār Lisan al-Arab.
- Ibrahim Mustafa, Ahmad Hassan al-Ziyat, Hamid'Abd Qadir. (2004). *Al-Mu'jam al-Wasit*. Istanbul: Dār al-Da'wah.
- Ikkal Zahin, Moḥamed. (2015). *Analisis Ta'rif dan Tankir dari Perspektif Ilmu Ma'ani dalam Surah al-Ahzāb*. Tesis Ph.D. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ismail, Sāibukir. (2014). *Uslub al-Qasr fi al-Qur'an al-Karim Wa 'Atharihi al-Nahwiyyah*. Tesis Ph.D. Ouargla: Univeristi Kasdi Merbah.
- Jihad Nasirat dan Hadil Mansur. (2014). Qaḍaya al-Fasl Wa al-Wasl baina al-Jurjāniy Wa al-Sakkākiy Dirasah balāghiyah Qur'aniyyah. *al-Manarah*. 20(2). 497-524.
- Joseph, Holden. (2011). *Physical Geography the basics*. New York: Routlege Taylor and Francis Group.

- Kamarul Azmi bin Jasmi. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012*. Melaka: Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim.
- Kamarul Azmi bin Jasmi. (2012). Penyelidikan Kualitatif dalam Sains Sosial. *Kursus Penyelidikan Kualitatif siri 1 2012*. Johor Bharu: IPG Kampus Temenggong Ibrahim.
- Kamarul Azmi bin Jasmi. (2012). Kesahan dan Kebolehpercayaan dalam Kajian Kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1*, Johor Bharu: Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kampus Temenggong Ibrahim.
- Kamarul Azmi bin Jasmi. (2013). Al-Qur'an Satu Mukjizat yang Menakjubkan. *Penciptaan Manusia dari Perspektif al-Qur'an*. Skudai, Johor Bharu: Penerbit UTM Press.
- Kamarul Azmi bin Jasmi dan Noordyna Hassan. (2013), *Al-Qur'an dan Geologi, Hidrologi, Oceanografi dan Astronomi dari Perspektif Islam*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia. 1-19.
- Kamus Dewan. (2007). *Kamus Dewan (Edisi ke Empat)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khalid Ibrahim Muslim. (t.th). Alfaz Yāum al-Qiyāmah; al-Šākhah Wa al-Hāqqah, wa al-Ṭāmmah innamuzijan dirasah fanniyah. *Majalah midad al-'Adab*. 7.
- Khairul Asyraf Mohd Nathir. (2014). *Maḥmūm al-Balāghah 'Indal Arab Wa Umamil Ukhra fi Kitab al-Bāyan Wa Tabyyin*. Tesis Sarjana. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia
- Khairul Asyraf Mohd Nathir, Mohd Sukki Othman, Nik Farhan Mustapha, Wan Muhammd Wan Sulong. (2019). Variasi Perkataan Hari Kiamat Dalam Al-Qur'an: Satu Tinjauan Umum. *International Journal of Humanities, Philosophy, Language*. 2 (5). 25-40.
- Laysīn, 'Abd Fattah. (2009). *Al-Ma'ani fi Dāui Asalib al-Qur'an*. Kaherah: Dār al-Fik al-Arabiyy
- Liab'babisah, Safiuddin. (2014). *Uslub al-Qasr fi al-Qur'an al-Karim, al-Bun'yat wa al-Wāzhifat*.
- Maṭlub, Ahmad. (1975). *Funūn Balāghiyah; al-Bāyan - al-Badi'*. Kuwait: Dār al-Buhūth al-Ilmiyah.
- Matthiessen, Christian. (2010). Systemic functional linguistics developing. *Annual Review of Functional Linguistics*, 2, 8-63.
- Mohd Khairi, Moḥd Nazri dan Moḥd Fuad. (2007). *Al-Miftah*. Kuala Pilah: Al-Azhar Media Enterprise.
- Mohd Abdul Nasir Abd. Latif. (2014). Wacana Komunikasi Dalam al-Qur'an: Satu Analisis Terhadap Dialog Dua Hala. Tesis Ph.D. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Hisyam Abdul Rahim. (2013). Munasabat Al-Quran: Analisa dari Aspek Keindahan dan Prospek Masa Hadapan. *Al-Bayan Journal*. 50-71
- Mohd Makmun Abha. (2013). Gempa Bumi Dalam Al-Qur'an. *Esensia*. 20-36.
- Muhammad Adnan Hasyim Ali Ablis. (1433H). *i'jaz ilmi fi islam*. Iraq: Jamiah Tarkit
- Mohamad Hussin. (2016). *Elemen Bāyan dalam Amthal Rasulullah S.A.W*. Tesis Ph.D Serdang: Universiti Putra Malaysia
- Muhammad Abu Musa, Abdul Hamid Muḥamad al-Ubaisi. (1413H). *Muhadarat fi 'Ilmi al-Bāyan*. Kaherah: Matba'ah al-Ukhuwwah al-Ashiqqa'.
- Mukhtār, 'Umar. (2008). *Mu'jam al-Showab al-Lughawiy dalil al-Muthaqafa al-Arabiyy*. Kaherah: Alim al-Kutub.
- Nazri Atoh dan Zamri Arifin. (2013). Penggunaan Tashbih Dalam Gambaran Hari Kiamat Dalam Surah Al-Qari'ah. *Al-Hikmah*, 5, 71-81.

- Noor Fazilah Mohd Basiron dan Monika @ Munirah Abd Razak. (2012). Rujukan al-Quran dan al-Hadith dalam Penelitian Fenomena Gempa Bumi. *Jurnal Usuluddin*. 38. 31-50.
- Noor Fazilah Mohd Basiron. (2014). *Pengurusan Bencana Gempa Bumi Menurut Perspektif Al-Qur'an dan Sains Moden*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Univesiti Malaya.
- Norazamudin, Umar. (2012). *Analisis Sturuktur Ayat dalam Surah Maryam; Satu Kajian I'jāz Al-Qur'an*. Tesis Ph.D. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Noriah Mohd Ishak, Siti Fatimah Mohd Yassin, Mohd Izham Mohd Hamzah. (2013). *Kajian Kes dalam Noraini Idris. Penyelidikan dalam Pendidikan*. Selangor: Mc Graw Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Nu'a'im bin Hammad. (1991). *kitab al-Fitan*. Kaherah: Maktabah al-Tauhid
- Nur Amirah Basiran, Nur Syazana Mohd Saberi dan Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Ajaran dan Kepercayaan Agama Islam. *Prosiding Seminar Tamadun 2012*. Universiti Teknologi Malaysia. 175-194.
- Nurfida'iy Salahuddin, Ibnor Azli Ibrahim, Mohd Hafiz Safiai & Ros Maimunah Haji Yahya Zikri. (2016). *Titik Pergerakan Dajjal secara Geografi: Tafsiran Risale-i Nur berasaskan Astronomi*. Prosiding Persidangan Antarabangsa Falak di Dunia Islam. Kajang Selangor.
- Nurah, Ṭabasiy. (2015). *Al-Hazfī al-Qīsas al-Qur'āniy, Qīssatu musa a.s.* Tesis Sarjana. Ouargla: Universiti Kasoi Merbah.
- O'Donnell, M. (2012). *Introduction to Systemic Functional Linguistics for Discourse Analysis*. Language, Function and Cognition. 1-8.
- Othman Hj. Khalil et.al. (2006). *Kamus Besar Arab- Melayu Dewan*. Hulu Klang: Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.
- Othman Lebar. (2014). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Perak: Penerbit UPSI.
- Oxford Dictionary. (2010). *Oxford Dictionary of English (Third Edition)*. (A. Stevenson, Ed.) Oxford: Oxford University Press.
- Philiph Kearey, Keith A. Klepeis, Frederick J. Vine (2009). *Global Tectonics*. Oxford: Wiley-Blackwell.
- Qutb, Sayyid. (2006). *Masyāhidul al-Qiyāmah fī al-Qur'an*. Kaherah: Dār al-Syurūq.
- Qutb, Sayyid. (2004). *al-Tasywīr al-Fanniy fī al-Qur'an*. Kaherah: Dār al-Syurūq.
- Rohaida Idris dan Mazlina Baharudin. (2016). Makna Huruf 'al-Wau' di dalam al-Quran. *e-Proceeding of the 4<sup>th</sup> Global Summit on Education*. Kuala Lumpur. 314-324.
- Roslan Ab Rahman, Hasim mat Zin, Md Nor Abdullah, Hassan al-Banna. (2012). Keindahan Gaya Bahasa Al-Qur'an: Suatu Tinjauan Isti'arah dalam Juzuk Kedua. *Ulum Islamiyyah Journal*. 9. 35-58.
- Roslan Ab Rahman, Md. Nor Abdullah, Mohd Bakhit Ali, Nuh Ismail. (2015). i'Jaz al-Qur'an: Satu tinjauan Mengenai Pengertian dan Pandangan Ulama. *Jurnal Syariah*. 94-115.
- Saipolbarin Bin Ramli. (2015). *Istilah Tumbuh-Tumbuhan Dalam al-Qur'an al-Karim: Kajian Leksikografi dan Analisis Wacana Bahasa Arab*. Tesis Ph.D Kuala Lumpur: Univesiti Malaya.
- Satna, Muhammad Ali. (2011) Al-I'jaz bi Ijaz al-Hazf fi al-Qur'an al-Karim. *Majalah al-Ulum wa al-Buhuth al-Islamiyyah*. 2. 1-16.
- Silverman, David. (2010). *Doing Qualitative Research*. London: SAGE Publication Ltd.
- Syakir, Maḥmud Muḥammad. (2002). *Madkhal I'jāz al-Qur'an*. Jeddah: Dār al-Madani.
- Taylor SJ dan R Rogdan. (1984). *Introduction to Qualitative Research Methods: The Search for Meanings*. Toronto: John Wiley and Sons.

- Tazlie Sham Ab. Rahman. (2015). *Sumbangan 'Abd Al-Majid Al-Zindani Dalam Bidang Al-I'jaz Al-Ilmi: Kajian Terhadap Kitab Ta'sil Al-I'jaz Al-Ilmi Fi Al-Qur'an Wa Al-Sunnah*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Thorne Lay dan Hiroo Kanamori. (2011). Insight from the great 2011 Japan Earthquake. *Physics Today*. December. 33-39.
- Umar, Ahmad Mukhtar. (2008). *Mu'jam al-Lughāh al-Arabiyyah al-Mu'ashirah*. Kairo: Alam al-Kutb.
- Wan Norina, Wan Hamat dan Zaharah Hussin, Ahmad Fkrudin Nohamed Yusoff dan Ahmad Arifin Sapar. (2013). Pengaruh Media Massa Terhadap Penampilan Akhlak Pelajar Islam Politeknik Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education*. 17-27.
- Wegener, Alfred. (1912). *The Formation of the Major Forms of the Earth's Crust (Continents and Oceans), Based on Geophysical*. Petermanns Geographische Mitteilungen.
- William, Hasker. dan Taliaferro Charles (2019). *After Life*. Stanford Encyclopedia of Philosophy Archive. (Spring 2019 Edition).
- Yunus, Hamash Khalaf Muḥammad. (2010). al-Hazf fi al-Lughah al-Arabiyyah. *Majalah Abhath Kuliyyah al-Asasiyyah*. 10 (2). 273-308.
- Yusuf Al-Hajj Ahmad. (2016). *Mukjizat Ilmiah di Bumi dan Luar Angkasa*. Solo: Pustaka Aqwam Media Profetika.
- Zahazan Mohamed. (2001). *Al-Fasl dan Al-Wasl: Satu Analisis Dalam Surah Al-Mulk*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Zakir, Naik dan Abdul Karim. (2004). *Quran and Modern Science: Compatible or Incompatible*. Kuala Lumpur: Saba Islamic Media.
- Zulkifli Mohd Yussoff. (1996). al-Taqdim wa al-Ta'akir pada Kalimat Qur'an, Kesan Pada Makna Ayat-ayat al-Qur'an. *Jurnal Usuluddin*. 4(3). 15-25.
- Zulkifli Mohd Yussoff. (2012). Munasabah dalam al-Qur'an: Suatu Kajian tentang I'jaz al-Qur'an. *Tajdid*. 225-233

## BIODATA PELAJAR



Khairul Asyraf bin Mohd Nathir merupakan anak pertama daripada lima orang adik beradik. Beliau dilahirkan di Kota Bharu Kelantan pada 21 November 1987, hasil perkongsian hidup Mohd Nathir Ishak dan Khadijah binti Taib. Dibesarkan dalam suasana kampung, ibu dan ayah beliau yang merupakan guru di salah sebuah sekolah terkemuka di Kelantan, sangat menekankan pendidikan kepada semua anak-anak mereka sejak dari kecil.

Pendidikan beliau bermula di Pusat Asuhan Tunas Islam (Pasti) sebelum ke peringkat sekolah rendah di Sekolah Kebangsaan Merbau Kota Bharu (tahun 1), Sekolah Kebangsaan Dato' Hasim 2 Pengkalan Chepa (tahun 2 hingga 4), dan Sekolah Kebangsaan Long Ghaffar Kota Bharu (tahun 4 hingga 6). Di peringkat menengah pula, beliau bersekolah di Ma'ahad Muhammadi Lelaki bermula dari tingkatan peralihan sehingga tingkatan 6 bawah. Pada tahun 2007, beliau telah diterima untuk melanjutkan pengajian di peringkat universiti sebagai pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi, Universiti Sains Islam Malaysia dan bergraduat dengan cemerlang pada tahun 2011. Pada tahun 2012, beliau menyambung pengajian di peringkat Sarjana dalam pengkhususan Bahasa Arab Komunikasi (kajian dalam bidang *balāghah*) di USIM melalui tajaan Skim Latihan Akademik Bumiputra (SLAB) dan peringkat PhD di Universiti Putra Malaysia melalui tajaan skim yang sama. Telah menyertai pelbagai persidangan dalam dan luar negara semasa tempoh pengajian, dan pada tahun 2019, beliau telah menyelesaikan kajian PhD dengan jayanya.

Dari sudut pengalaman bekerja, beliau pernah bertugas sebagai Duta Kecil Bahasa Arab di KLIA dari tahun 2010 hingga 2011. Beliau kemudian bertugas sebagai pembantu penyelidik di Pusat Pertama Insan (kini dikenali dengan Kolej Genius Insan) yang bertanggungjawab dalam menguruskan hal ehwal pembinaan modul Bahasa Arab serta al-Qur'an dan al-Sunnah. Dalam tempoh melanjutkan pengajian di peringkat sarjana dan PhD, beliau turut berkhidmat sebagai pensyarah sambilan subjek Bahasa Arab di Universiti Sains Islam Malaysia. Beliau juga aktif menyampaikan ceramah agama dan sebagai imam jemputan khususnya ketika bulan Ramadhan dan mempunyai tauliah mengajar daripada Mufti Kerajaan Negeri Sembilan.

## SENARAI PENERBITAN

### Jurnal

Khairul Asyraf Mohd Nathir, Mohd Sukki Othman, Nik Farhan Mustapha, Wan Muhammd Wan Sulong. (2017). Persepsi Pelajar Terhadap Pembelajaran Kosakata Bahasa Al-Quran Melalui Aplikasi Almaany Di Dalam Telefon Pintar. *Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies*. Volume 8 (No. 1) (Disember 2017).

Khairul Asyraf Mohd Nathir, Mohd Sukki Othman, Nik Farhan Mustapha, Wan Muhammd Wan Sulong. (2019). Variasi Perkataan Hari Kiamat Dalam Al-Qur'an: Satu Tinjauan Umum. *International Journal of Humanities, Philosophy, Language*. Volume 2 (No. 5) (Mac, 2019)



## UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

### PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : SEMESTER 1 2019/2020

#### TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

I'JĀZ BAYANI DAN ILMU BERKAITAN FENOMENA KIAMAT DALAM AL-QUR'AN

---

---

---

**NAMA PELAJAR :** KHAIRUL ASYRAF BIN MOHD NATHIR

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

\*sila tandakan (v )

**SULIT**

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

**TERHAD**

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

**AKSES TERBUKA**

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

**PATEN**

Embargo \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_  
(tarikh) (tarikh)

**Pengesahan oleh:**

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pelajar)

No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan)

Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]